



# Koleksi Hadiah AJN Richard



Koleksi yang terkandung di dalam Koleksi Khas terdiri daripada koleksi yang telah disumbangkan oleh A.J.N Richard kepada UNIMAS. Koleksi peribadi beliau kaya dengan sejarah dan maklumat berkaitan dengan bahasa Iban, budaya dan adat serta sejarah Sarawak.

Pada 22 Oktober 2001 pihak UNIMAS telah menerima kunjungan daripada Mr Michael Richards dan Huw Richard iaitu anak kepada mendiang AJN Richard yang datang untuk menghantar sendiri koleksi peribadi AJN Richard. Majlis penyampaian koleksi

peribadi tersebut telah dilaksanakan di bangunan Canselori yang mana Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid (Naib Canselor) telah meluangkan masa untuk mewakili UNIMAS bagi menerima buku tersebut. Manakala Pn Hajah

Siti Sumaizan Hj Ramli bertindak sebagai wakil PKMA. Majlis penyampaian itu turut dihadiri oleh Datuk Amar Leonard Linggi Jugah, Datuk Tra Zehnder serta beberapa pegawai Majlis Adat Istiadat Negeri Sarawak. Mereka telah menghadahkan 14 kotak bahan-bahan yang mana termasuklah gambar-gambar bersejarah mengenai negeri Sarawak.

AJN Richard merupakan graduan daripada *Hertford College, Oxford* dan mula memasuki Sarawak sebagai Pegawai Tadbir di bawah seliaan Mr Machperson semasa pemerintahan Raja Brooke pada 1938. Bermula dari situlah, sepanjang perkhidmatan beliau di sekitar Sarawak, beliau telah banyak bergaul dengan masyarakat seperti Iban dan Melayu Sarawak. Sehingga kemudiannya beliau dihantar ke Betong sebagai *District Officer* (semasa sebelum pemerintahan Jepun) yang mana telah menimbulkan minat beliau untuk mengetahui dan mendalami budaya, adat istiadat, bahasa dan sejarah masyarakat Iban terutamanya. Beliau juga pernah dikurung di kem tahanan Batu Lintang semasa perang (jajahan Jepun) dan selepas

perang tamat beliau kembali berkhidmat di *Sarawak Civil* sebagai *District Officer* dan Resident untuk sepanjang masa penjajahan British sehingga awal kemerdekaan Tanah Melayu.

Sumbangan beliau amatlah besar kepada masyarakat Sarawak apabila beliau mula membangunkan *Second Division Iban* dan *Saribas Malays*. Selepas beliau bersara dan kembali ke England, beliau kemudiannya telah menerbitkan kamus "*An Iban- English Dictionary* (*Oxford Universiti Press, 1981*). Beliau juga merupakan penulis untuk beberapa buku mengenai budaya dan sejarah Iban. Sumbangan beliau dalam bidang penulisan ini amatlah dihargai dan PKMA telah mengambil peranan menjaga koleksi peribadi sumbangan beliau dengan baik agar ianya dapat diakses oleh pengguna bagi tujuan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.

Bahan AJN Richard telah ditempatkan di Unit Pengurusan Koleksi Khas dan Arkib, Aras 3. Peminjaman bahan tersebut hanyalah sebagai rujukan dalaman sahaja.

